

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) merupakan dokumen yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang khusus selaras dengan piawaian *International Civil Aviation Organisation* (ICAO), iaitu maklumat pemilik yang telah dienkod dalam cip pasport tidak boleh dibuat sebarang pindaan (*write once read many*). Ciri keselamatan ini adalah amat mustahak bagi memastikan maklumat pemilik sebenar pasport tidak boleh dipinda untuk digunapakai oleh mereka yang tidak berhak memilikinya.

Bagi menjawab soalan (b) pula, antara langkah-langkah Kementerian yang spesifik untuk mengenalpasti dan membanteras rangkaian sindiket antarabangsa yang bertanggungjawab dalam penyalahgunaan pasport di Malaysia adalah melalui prosedur membuat laporan polis sekiranya pasport hilang di mana pasport akan dibatalkan dengan segera. Laporan polis ini akan dihantar ke Interpol dalam tempoh 24 jam.

Kerajaan Malaysia juga telah mempunyai perancangan untuk mengadakan kerjasama dengan pihak INTERPOL bagi kes *Lost and Stolen Travel Documents*. Kerjasama ini adalah meliputi

kebenaran akses kepada pangkalan data pasport yang dilaporkan hilang atau dicuri yang direkodkan oleh INTERPOL.

Sistem kawalan kemasukan rakyat asing ke negara ini juga adalah seperti yang terdapat di dalam *Standard Operating Procedure* (SOP) di pintu masuk/ keluar negara sedia ada.

Selain itu Kementerian juga bercadang untuk menaiktaraf peralatan pembaca pasport di kaunter pemeriksaan di pintu masuk. Peralatan ini akan dilengkapi dengan perisian yang mampu menyemak ketulenan pasport yang digunakan.